

19 JAN 2003

Sultan-Keselamatan (Bergambar)

SULTAN KEDAH INGATKAN RAKYAT TIDAK ALPA DENGAN KEAMANAN

ALOR STAR, 19 Jan (BERNAMA) -- Sultan Kedah mengingatkan rakyat supaya tidak alpa dengan keamanan yang dinikmati sekarang ini kerana pelbagai ancaman mungkin melanda negara ini pada masa depan.

Baginda bertitah rakyat tidak boleh memandang ringan atau mengambil mudah dalam aspek keamanan negara.

"Isu tuntutan bertindih terhadap kedaulatan Pulau Batu Puteh perlulah dijadikan pengajaran supaya sentiasa berhati-hati dan tidak memandang ringan ke atas isu keselamatan serantau," titah baginda.

Baginda bertitah rakyat seharusnya mengambil iktibar terhadap puak ekstremis dan pelampau yang mempergunakan isu agama, ideologi dan perkauman untuk mencetuskan pecah-belah dan huru-hara di kalangan masyarakat.

"Segala keselesaan dan keamanan yang dikecapi hari ini boleh hilang sekelip mata jika tidak dipelihara dengan teliti," titah baginda pada Majlis Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-75 di Istana Anak Bukit, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Darjah Kerabat (DK), sementara Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menerima Darjah Seri Setia Diraja Kedah (SSDK), yang membawa gelaran Datuk.

Sultan Kedah bertitah, jika rakyat tidak bersatu negara mudah dijajah semula kerana sejarah telah membuktikan betapa mudah negara dijajah apabila pemimpin dan rakyat bercanggah.

"Penjajahan semula tidak hanya terhad melalui tindakan ketenteraan sahaja tetapi yang lebih berbahaya ialah penjajahan ekonomi yang sukar diramal," titah baginda.

Selain itu, baginda juga menyuarakan rasa bangga dengan kepimpinan kerajaan negeri yang telah mengetengahkan pendekatan baru yang agresif ke arah menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Sultan Kedah turut menghargai dan berterima kasih atas kepimpinan Dr Mahathir dan keprihatinan beliau membangunkan negeri ini.

"Beta yakin dan percaya pengganti beliau akan meneruskan kerjasama erat yang terjalin demi faedah kepada pembangunan negeri Kedah dan negara," titah baginda.

-- BERNAMA

IAW MZM LAT